



JAWATANKUASA PILIHAN RAYA PUSAT
PARTI KADEILAN RAKYAT

KENYATAAN MEDIA

PERSEDIAAN PARTI KADEILAN RAKYAT (KEADILAN) MENGHADAPI PILIHAN RAYA NEGERI 12 OGOS 2023

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengumumkan 12 Ogos 2023 sebagai hari mengundi bagi Pilihan Raya yang akan berlangsung di enam negeri. KEADILAN melalui Jawatankuasa Pilian Raya Parti telah memulakan persediaan rapi bagi memastikan kemenangan calon-calon KEADILAN yang bakal bertanding.

1. JELAJAH MADANI KEADILAN

KEADILAN telah mula menggerakkan “Jelajah Madani” ke kawasan-kawasan tumpuan yang bermula pada 4 Julai di Sikamat, Negeri Sembilan. Walaupun dalam keadaan hujan lebat, lebih 1000 orang terus setia mendengar penerangan yang saya sampaikan sehinggalah program selesai.

Jelajah pertama di Sikamat ini juga diikuti secara langsung oleh 5,000 pelayar dalam talian melalui pelbagai platform media sosial. Sambutan yang menggalakkan ini setara dengan sokongan rakyat sewaktu KEADILAN memulakan kempen semasa Pilihan Raya Umum ke 15 yang lalu. Ini membayangkan momentum sokongan yang akan terus memuncak menjelang hari mengundi.

Dengan tema “Malaysia Madani”, jelajah ini menjadi platform untuk kepimpinan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional menerangkan kepada orang awam mengenai usaha-usaha dan pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Perpaduan dalam tempoh 8 bulan memerintah.

Dengan lambakan info di media sosial, saya percaya jelajah ini menjadi saluran terbaik untuk masyarakat mendengar sendiri dan mendapatkan maklumat tepat daripada kepimpinan yang turun ke lapangan.

Justeru saya menjemput seluruh masyarakat awam dan rakan-rakan pengamal media untuk hadir ke Jelajah Madani ini yang akan dijalankan mengikut jadual berikut :

TARIKH	HARI	NEGERI	PARLIMEN	DUN	MASA
4-Jul	Selasa	Negeri Sembilan	Seremban	Sikamat	8.30 pm
5-Jul	Rabu	Selangor	Petaling Jaya	Taman Medan	8.30 pm
8-Jul	Sabtu	Kedah	Alor Setar	Suka Menanti	9.30 am
			Jerai	Gurun	11.30 am
			Merbok	Bukit Selambau	3.00 pm
			Sungai Petani	Sidam	8.30 pm
			Kulim-Bandar Baharu	Kulim	8.30 pm
11-Jul	Selasa	Negeri Sembilan	Rasah	Labu	8.30 Pm
12-Jul	Rabu	Selangor	Tanjong Karang	Permatang	8.30 pm
			Kuala Selangor	Bukit Melawati	8.30 pm
16-Jul	Ahad	Kelantan	Tumpat	Pasir Pekan	8.30 pm
			Kota Bharu	Kota Lama	8.30 pm
18-Jul	Selasa	Pulau Pinang	Kepala Batas	Pinang Tunggal	8.30 pm
			Permatang Pauh	Seberang Jaya	8.30 pm
19-Jul	Rabu	Kedah	Padang Serai	Lunas	9.30 am
			Sungai Petani	Bakar Arang	11.30 pm
			Merbok	Bukit Selambau	3.00 pm
			Jerai	Gurun	8.30 pm
			Alor Setar	Suka Menanti	8.30 pm
20-Jul	Khamis	Selangor	Shah Alam	Kota Anggerik	8.30 pm
			Selayang	Rawang	8.30 pm
22-Jul	Sabtu	Pulau Pinang	Bayan Baru	Pantai Jerejak	8.30 pm
			Bayan Baru	Batu Maung	8.30 pm
23-Jul	Sabtu	Pulau Pinang	Nibong Tebal	Sungai Bakap	9.30 am
			Batu Kawan	Bukit Tambun	11.30 pm
			Permatang Pauh	Penanti	3.00 pm
25-Jul	Selasa	Negeri Sembilan	Port Dickson	Chuah	8.30 pm
			Port Dickson	Sri Tanjung	8.30 pm
26-Jul	Rabu	Selangor	Sungai Buloh	Paya Jaras	8.30 pm
			Kuala Selangor	Ijok	8.30 pm
27-Jul	Khamis	Selangor	Klang	Pelabuhan Klang	8.30 pm
			Shah Alam	Batu Tiga	8.30 pm
28-Jul	Jumaat	Terengganu	Dungun	Sura	8.30 pm
			Kuala Terengganu	Wakaf Mempelam	8.30 pm
29-Jul	Sabtu	Kelantan	Rantau Panjang	Chetok	3.00 pm
			Pasir Puteh	Limbongan	8.30 pm
			Kota Bharu	Kota Lama	8.30 pm
1-Aug	Selasa	Negeri Sembilan	Rasah	Labu	8.30 pm
			Kuala Pilah	Pilah	8.30 pm

2-Aug	Rabu	Selangor	Gombak	Gombak Setia	8.30 pm
			Bangi	Kajang	8.30 pm
3-Aug	Khamis	Selangor	Petaling Jaya	Seri Setia	8.30 pm
			Ampang	Lembah Jaya	8.30 pm
5-Aug	Sabtu	Kedah	Padang Serai	Lunas	9.30 am
			Kulim Bandar Baharu	Kulim	11.30 am
			Merbok	Bukit Selambau	3.00 pm
			Alor Setar	Suka Menanti	8.30 pm
			Jerai	Gurun	8.30 pm
8-Aug	Selasa	Negeri Sembilan	Port Dickson	Sri Tanjung	8.30 pm
			Port Dickson	Chuah	8.30 pm
9-Aug	Rabu	Selangor	Damansara	Bukit Lanjan	8.30 pm
			Ampang	Bukit Antarabangsa	8.30 pm
10-Aug	Khamis	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Pilah	8.30 pm
			Seremban	Sikamat	8.30 pm
11-Aug	Jumaat	Selangor	Gombak	Sungai Tua	8.30 pm

2. PELANCARAN SERENTAK JENTERA DAN BILIK GERAKAN KEADILAN

Bagi memastikan jentera KEADILAN di peringkat akar umbi bersedia sepenuhnya bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri Ogos ini, KEADILAN juga akan mengadakan Majlis Pelancaran Jentera dan Bilik Gerakan secara serentak di semua DUN-DUN yang bakal ditandingi KEADILAN.

Program ini akan berlangsung secara serentak pada 7 Julai bagi Negeri Kelantan dan Terengganu, 8 Julai bagi Negeri Kedah dan Pulau Pinang dan 9 Julai bagi Negeri Selangor dan Negeri Sembilan.

Majlis pelancaran ini akan bermula jam 9 malam dan terbuka untuk dihadiri masyarakat sekitar. Acara kemuncak program ialah penyerahan bahan-bahan kempen oleh wakil kepimpinan pusat KEADILAN kepada Pengarah Pilihan Raya KEADILAN bagi DUN yang berkenaan.

3. PROSES PERMOHONAN, SARINGAN DAN PEMILIHAN CALON KEADILAN

Bermula dengan Pilihan Raya Umum ke 15 yang selalu, KEADILAN telah memulakan satu proses pemilihan calon yang demokratik, telus dan objektif. Dengan cara ini KEADILAN dapat meyakinkan bakat-bakat dalam kalangan anggota parti dan rakyat

biasa untuk tampil menyahut seruan berkhidmat kepada masyarakat melalui platform KEADILAN.

Proses yang telus ini juga penting bagi meyakinkan pengundi bahawa KEADILAN sebagai sebuah parti reformasi sentiasa serius untuk menampilkan calon yang berkualiti dan berwibawa.

Oleh itu bagi menghadapi Pilihan Raya yang akan berlangsung di enam negeri pada Ogos ini, saya menjemput mana-mana anggota KEADILAN yang ingin menawarkan diri sebagai calon KEADILAN untuk menghantar borang pencalonan mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat Parti.

Seperti praktis dalam Pilihan Raya Umum ke 15 yang lalu, proses pemilihan Calon KEADILAN dibuat dengan kaedah-kaedah berikut :

Permohonan Individu.

Mana-mana anggota KEADILAN yang berminat boleh menawarkan diri sebagai calon dengan mengisi borang dalam talian yang boleh dilayari melalui pautan www.calonkeadilan.org. Borang ini boleh diakses bermula hari ini, 6 Julai 2023 sehingga tarikh tutup permohonan iaitu 10 Julai 2023, jam 5 petang.

Antara syarat kelayakan yang perlu dipenuhi ialah individu yang memohon mestilah anggota KEADILAN yang berusia 18 tahun ke atas, tidak muflis yang telah disahkan oleh Jabatan Insolvensi, tidak memiliki rekod jenayah (selain daripada sabitan melibatkan kepentingan rakyat) dan individu tersebut mesti mengisyiharkan harta serta bersedia untuk menandatangani bon ikrar setia sebagai Wakil Rakyat KEADILAN.

Permohonan Organisasi

Kepimpinan KEADILAN di semua peringkat juga boleh menamakan calon-calon yang telah dipersetujui di peringkat jawatankuasa masing-masing untuk diangkat kepada pertimbangan Jawatankuasa Pilihan Raya Pusat. Proses ini terbuka kepada Jawatankuasa Cabang bagi kawasan yang ditandingi KEADILAN, Majlis Pimpinan AMK Pusat (MPAMK) dan juga Majlis Pimpinan Wanita Pusat (MPWP) KEADILAN.

Penamaan calon-calon oleh Cabang, MPAMK atau MPWP ini perlu dibuat secara rasmi dan disahkan melalui minit mesyuarat yang ditandatangani oleh semua ahli mesyuarat yang hadir. Minit mesyuarat ini perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Calon selewat-lewatnya pada jam 5 petang, 10 Julai 2023.


Perlu diingatkan bahawa semua nama yang dicalonkan oleh organisasi ini tetap perlu mengisi secara individu borang dalam talian kerana borang ini akan menjadi sumber utama untuk JPRP mendapatkan senarai calon.

Proses Saringan

Memahami sentimen pengundi yang mahukan parti-parti menampilkan calon yang berkualiti, KEADILAN telah menetapkan sebuah proses saringan Calon yang adil dan telus. Proses saringan ini akan dikendalikan oleh sebuah Jawatankuasa Calon yang dipengerusikan oleh saya selaku Pengarah Pilihan Raya dan dianggotai oleh semua Naib-Naib Presiden KEADILAN seramai 7 orang.

Seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Parti, kuasa untuk memilih calon adalah hak mutlak Presiden KEADILAN. Justeru Jawatankuasa Calon bertanggungjawab untuk membuat penapisan dan menyenarai pendek 3 calon terbaik untuk diangkat kepada Presiden KEADILAN yang seterusnya akan memuktamadkan satu nama sebagai calon.

Sekian, terima kasih



Rafizi Ramli
Timbalan Presiden
Merangkap Pengarah Pilihan Raya
Parti Keadilan Rakyat